

24 FEB 1997

AGONG UCAP TAHNIAH KEPADA KUWAIT

KUALA LUMPUR, 24 Feb (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah hari ini menyampaikan perutusan tahniah kepada Amir Kuwait Sheikh Jaber Al-Ahmad Al-Sabah sempena hari kebangsaan negara itu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam perutusannya berharap kerjasama dua hala diperkukuhkan bagi kepentingan rakyat kedua-dua negara.

Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi turut mengirinkan perutusan kepada rakan sejawatannya di Kuwait Sheikh Sabah Al-Ahmad Al-Jaber Al-Sabah. -- BERNAMA

SAA HJ